



Laporan Pemerhatian Pilihan Raya Kecil P132 Port Dickson

Oktober 2018

Laporan Pemerhatian Pilihan Raya Kecil Port Dickson

1. Latar belakang

Pilihan Raya Kecil (PRK) P132 Port Dickson telah dijalankan berikutan peletakan jawatan Ahli Parlimen Port Dickson Danyal Balagopal Abdullah. Hari penamaan calon PRK ditetapkan pada 29 September 2018 dan hari mengundi ditetapkan pada 13 Oktober 2018.

SPR telah menjemput BERSIH 2.0 untuk menjalankan pemerhatian PRK Port Dickson. BERSIH 2.0 menerima baik jemputan SPR dan telah menghantarkan sebanyak 18 pemerhati yang terdiri daripada urusetia dan sukarelawan BERSIH 2.0 untuk memantau perjalanan PRK tersebut.

BERSIH 2.0 telah menjalankan pemerhatian dalam

- 1) Proses penamaan calon
- 2) Kempen pilihan raya
- 3) Proses pengundian awal
- 4) Proses pengundian dan pengiraan undi
- 5) Proses penjumlahan undi

Pemerhatian BERSIH 2.0 memberi fokus kepada masalah-masalah yang bertentangan dengan prinsip-prinsip pilihanraya yang bersih dan adil dan kesalahan-kesalahan pilihan raya yang berlaku sepanjang pilihan raya.

2. Proses penamaan calon

Kehadiran penyokong Pakatan Harapan yang ramai telah menyesakkan laluan di pintu masuk pusat penamaan calon, iaitu Dewan Majlis Perbandaran Port Dickson. Kawalan polis yang kurang efektif menyebabkan sesetengah penyokong tanpa pas kebenaran berjaya merempuhi penghalang polis dan memasuki kawasan 50 meter pusat penamaan calon. Pasukan *light strike force* hadir untuk mengawal keadaan selepas itu.

Cadangan penambahbaikan:

- Pasukan polis harus membuat persediaan yang lebih awal dan rapi dan pengawalan yang cukup ketat supaya penyokong tanpa pas kebenaran tidak dapat merempuh ke dalam kawasan 50 meter pusat penamaan calon.

3. Kempen pilihan raya

BERSIH 2.0 telah merakamkan sebanyak 10 isu yang berkenaan dengan salah laku yang bertentangan dengan prinsip pilihan raya bersih dan adil dan kesalahan pilihan raya sepanjang kempen pilihan raya.

3.1 Pakatan Harapan

BERSIH 2.0 telah mencatat 6 isu berkenaan dengan Pakatan Harapan dan calon Pakatan Harapan Anwar Ibrahim melalui laporan berita.

1. Pada 30 September 2018, calon Pakatan Harapan Anwar Ibrahim telah menghadiri dan berucap di program agihan zakat sempena Maal Hijrah di Masjid Jamek Pasir Panjang. Menurut laporan Malaysiakini (<https://www.malaysiakini.com/news/445397>), satu surat bertarikh 27 September yang dikeluarkan oleh Majlis Agama Islam Negeri Sembilan (MAINS) menyatakan penerima zakat yang terlibat wajib menghadiri program anjuran Pejabat Menteri Besar Negeri Sembilan itu. Hal ini menimbulkan persoalan sama ada Anwar Ibrahim berkempen dengan menggunakan jentera dan program kerajaan negeri Negeri Sembilan.
2. Pada 2 Oktober 2018, calon Pakatan Harapan Anwar Ibrahim telah berkempen di sebuah majlis makan malam percuma yang dianjurkan oleh Persatuan Muafakat One Belt One Road Malaysia dan 2 NGO lain menurut laporan Sin Chew Jit Poh (<http://www.sinchew.com.my/node/1799483>). Laporan tersebut juga menyatakan bahawa majlis tersebut dianjurkan dengan tajaan RM200 ribu oleh seorang penaja Hong Kong yang tidak diketahui. Hal ini menimbulkan persoalan sama ada majlis makan tersebut mendapat persetujuan daripada calon atau agen calon sebagai aktiviti kempen di mana perbelanjaannya perlu juga dilaporkan kepada pihak SPR oleh calon selaras dengan Seksyen 15A Akta Kesalahan Pilihan Raya.
3. Pada 3 Oktober 2018, calon Pakatan Harapan Anwar Ibrahim telah menghadiri majlis penganugerahan pingat kepada pesara tentera di dalam kem tentera Port Dickson menurut laporan Malaysiakini (<https://www.malaysiakini.com/news/445834>). Ia menimbulkan persoalan bahawa beliau berkempen dengan menggunakan program kerajaan. Dalam program yang sama, Menteri Pertahanan, Mohamad Sabu juga dilihat berkempen untuk Anwar Ibrahim dengan berkata bahawa kebajikan pesara tentera akan ditingkatkan sekiranya wakil rakyat Port Dickson adalah seorang bakal perdana menteri.
4. Pada 4 Oktober 2018, calon Pakatan Harapan Anwar Ibrahim telah melancarkan portal tuisyen atas talian, pdtuition.com. Laman portal itu menyatakan bahawa program tuisyen percuma tersebut ditaja oleh Anwar Ibrahim. Menurut laporan New Malaysia Times (<https://newmalaysiatimes.com/2018/10/11/anwar-caught-rebadging-online-tuition/>), pautan di laman pdtuition.com berhubung terus ke laman ezlearn2u.my, sebuah portal tuition atas talian yang bekerjasama dengan kerajaan negeri Perak, Yayasan Perak dan sebuah syarikat berkaitan kerajaan bernama KPerak. New Malaysia Times juga melaporkan

bahawa syarikat milikan pdtuition.com, MyET Education Sdn Bhd dan syarikat milikan ezlearn2u.my, Star Vitalnet Technology Sdn Bhd mempunyai alamat, pengarah dan pemegang saham yang sama. Persoalan timbul bahawa sama ada Anwar Ibrahim menggunakan sumber kerajaan negeri Perak untuk berkempen dan ditaja oleh syarikat-syarikat tersebut.

5. Pada 6 Oktober 2018, calon Pakatan Harapan Anwar Ibrahim dan Presiden PKR Wan Azizah berkempen di konsert di pantai peranginan Port Dickson anjuran Pertubuhan Khidmat Kebajikan Masyarakat Madani (Madani), Anwar Ibrahim Fan Club dan Muafakat Anak Muda menurut laporan Malaysiakini (<https://www.malaysiakini.com/news/446258>). Konsert besar-besaran yang melibatkan perbelanjaan tinggi menimbulkan persoalan bahawa sama ada Anwar Ibrahim melanggar had perbelanjaan RM200,000 bagi setiap calon ahli parlimen yang ditentukan dalam Seksyen 19(1)(a) Akta Kesalahan Pilihan Raya dan sama ada konsert percuma ini mendapat persetujuan daripada calon atau agen calon sebagai aktiviti kempen di mana perbelanjaannya perlu juga dilaporkan kepada pihak SPR oleh calon selaras dengan Seksyen 15A Akta Kesalahan Pilihan Raya.
6. Pada 11 Oktober 2018, sebuah majlis makan malam telah dijalankan di Tokong Kuan Ti, Lukut sebagai aktiviti berkempen calon Pakatan Harapan Anwar Ibrahim. Menurut laporan Malaysiakini (<https://www.malaysiakini.com/news/446960>), terdapat hadirin majlis tersebut berkata bahawa ia merupakan majlis makan percuma. Hal ini menimbulkan persoalan bahawa penganjuran majlis makan percuma tersebut telah melanggar Seksyen 8 Akta Kesalahan Pilihan Raya. Jikalau ia bukan satu penjamuan percuma, persoalan lain iaitu sama ada penjamuan ini mendapat persetujuan daripada calon atau agen calon sebagai aktiviti kempen di mana perbelanjaannya perlu juga dilaporkan kepada pihak SPR oleh calon selaras dengan Seksyen 15A Akta Kesalahan Pilihan Raya.

3.2 Parti Islam Se-Malaysia (PAS)

BERSIH 2.0 telah mencatat 4 kes yang melanggar undang-undang pilihan raya yang dilakukan oleh PAS dan calon PAS Mohd Nazari Mokhtar.

1. Pada 6 Oktober 2018, hadiah, makanan dan pemeriksaan kesihatan disediakan secara percuma di Karnival Wanita Sejahtera di Batu 6 1/2, Jalan Pantai anjuran Muslimat PAS. Hadiah cabutan bertuah yang disediakan termasuk televisyen, perkakas rumah dan hamper.



2. Pada 7 Oktober 2018, jentera Muslimat Perak diketuai Jamaliah Sudin bersama Ketua DMPN Perak merangkap wakil Lajnah Perpaduan Nasional PAS Pusat, Dr Najihatussalehah Ahmad mengedarkan kuih bulan di Bukit Pelanduk, Chuah. AJK Lajnah Perpaduan Nasional PAS, Farah Foo Wai Yee juga mengedarkan bah kut teh percuma kepada penduduk di kawasan tersebut.



3. Pada 7 Oktober 2018, Muslimat PAS Perak memberi pemeriksaan kesihatan percuma dan hadiah cabutan bertuah di Karnival Sukaneka di Kampung Chuah. Hadiah cabutan bertuah termasuk basikal dan perkakas rumah.



4. Pada 10 Oktober 2018, calon PAS Mohd Nazari Mokhtar mengadakan program pemeriksaan kesihatan untuk pengundi di Kampung Paya dan Taman Indah.



Cadangan Penambahbaikan:

- Pihak SPR perlu memantau aktiviti-aktiviti kempen calon-calon secara pro-aktif untuk memastikan kempen mereka dijalankan tanpa melanggar undang-undang pilihan raya.
- Kerja-kerja pemantauan Pasukan Penguatkuasa Kempen Pilihan Raya (PPKPR) tidak patut terhad kepada bahan-bahan kempen sahaja tetapi juga aktiviti-aktiviti penjamuan, pemberian hadiah percuma, ceramah dan lain-lain. Nombor aduan PPKPR perlu diumumkan kepada orang awam untuk buat aduan dan ambil tindakan segera.

4. Pengundian awal

BERSIH 2.0 telah menjalankan pemerhatian di kesemua pusat mengundi awal. Dua kesilapan oleh kerani pengundian telah diperhati iaitu

1. Kerani Pengundian 1 di Bilik Seri Pinang, IPD Port Dickson tidak menyemak jari pengundi.
2. Kerani Pengundian 3 merangkap Ketua Tempat Mengundi (KTM) di Khemah C, IPD Port Dickson tidak mengecop kertas undi sebelum memberi kepada pengundi.

Kedua-dua kesilapan telah diperbetulkan selepas pegawai SPR memberitahu petugas-petugas tersebut. Secara keseluruhan, proses mengundi dijalankan dengan lancar.


5. Pengundian biasa

BERSIH 2.0 telah menjalankan pemerhatian di kesemua 17 pusat mengundi di kawasan DUN Chuah, Linggi dan Sri Tanjung. Beberapa masalah telah diperhatikan pada hari mengundi.


5.1 Ketidakpatuhan peraturan pilihan raya

5.1.1 Pondok panas di luar pusat mengundi

BERSIH 2.0 mendapati pondok panas Pakatan Harapan dan PAS di luar kesemua pusat mengundi di DUN Chuah, Linggi dan Sri Tanjung manakala pondok panas calon bebas Isa Samad didapati di luar sesetengah pusat mengundi. Sesetengah pondok panas menyemak status untuk pengundi dan memberi slip mengundi berlogo parti seperti berikut:



Slip yang diberi di pondok panas Pakatan Harapan di luar SK Port Dickson.



Slip yang diberi di pondok panas Pakatan Harapan di luar Balai Raya Ladang Leong Hin San

Slip yang diberikan oleh pondok panas Pakatan Harapan di luar Balai Raya Ladang Leong Hin San seakan-akan kertas undi dengan saiz and warna yang agak sama. Ini mungkin mengelirukan kepada pengundi dengan kertas undi yang sepatutnya dimasukkan ke dalam kotak undi bila mereka bawa masuk slip itu ke dalam pusat mengundi, terutamanya pengundi yang berusia.

5.1.2 Makanan percuma di luar pusat mengundi

Wakil PAS mengedar nasi lemak dan teh kepada pengundi secara percuma di luar Balai Raya Ladang Leong Hin San.

Penyokong Pakatan Harapan pula mengedar aiskrim dan air mineral percuma dalam lingkungan 50 meter di luar SK Port Dickson. Walaupun demikian, tindakan wajar telah diambil oleh Puan Norlinah, Timbalan Pengarah Akademi Pilihan Raya dan PPKPR dan pengedaran aiskrim dan air mineral telah dihentikan.

5.1.3 Berada dalam 50 meter dari atau dalam pusat mengundi tanpa kebenaran

Seramai 5 orang pengawal peribadi calon Pakatan Harapan Anwar Ibrahim memasuki ke pusat mengundi Kolej Vokasional Port Dickson tanpa pas.

Terdapat penyokong dan pengiring calon tanpa pas yang memasuki SK Port Dickson ketika calon melawat ke sana.

Terdapat penjaja yang menjaja dan penyokong parti yang membawa bendera parti di dalam 50 meter di luar Kolej Vokasional Port Dickson.



Terdapat kenderaan yang mempunyai bendera Pakatan Harapan parkir di kawasan 50 meter SK Kampung Sawah.



5.2 Isu petugas pilihan raya

Terdapat pemerhati yang tidak dibenarkan untuk menjalankan pemerhatian dalam tempat mengundi kerana KTM tidak tahu tentang pemerhati di Kolej Vokasional Port Dickson, tetapi masalah diselesaikan selepas dirujuk kepada pegawai SPR yang bertugas.

6.3 Kemudahan di pusat mengundi

2 daripada 3 kerusi roda yang disediakan di SK Kampung Sawah tidak berada dalam keadaan yang baik dan telah tidak digunakan. Jadi, hanya sebuah kerusi roda yang berfungsi.


Ramp yang disediakan untuk pengguna kerusi roda di Balai Raya Ladang Leong Hin San terlalu curam. Suasana pusat mengundi tersebut juga kurang kondusif walaupun difahami daripada pegawai SPR bahawa penduduk-penduduk tempatan meminta Balai Raya ini digunakan sebagai pusat mengundi kerana ia berdekatan dengan tempat kediaman mereka.



Secara keseluruhan, tiada kesilapan besar telah dilakukan oleh petugas pilihan raya dan proses pengundian dan pengiraan undi dijalankan dengan lancar.

Cadangan penambahbaikan:

- SPR harus mengeluarkan garis panduan yang jelas bahawa tiada pondok panas dibenarkan walaupun di luar lingkungan 50 meter pusat mengundi dan memastikan PPKPR mengambil tindakan terhadap wakil parti yang mendirikan pondok panas.
- Ayat “pemerhati pilihan raya TIDAK dibenarkan untuk masuk ke tempat mengundi” di muka surat 27 dalam buku kerja KTM harus diubah supaya tidak mewujudkan kekeliruan dalam kalangan KTM.



6. Penjumlahan undi dan pengisytiharan keputusan rasmi

Lokasi Dewan Majlis Perbandaran Port Dickson kurang sesuai untuk dijadikan sebagai pusat penjumlahan rasmi undi (PPRU). Kesesakan lalu lintas berlaku di luar PPRU dan ramai KTM yang mengadu bahawa sukar untuk meletak kereta mereka dan membawa masuk peti undi. PPRU juga kecil dan tidak dapat memuatkan ramai orang.

Secara keseluruhan, proses penjumlahan undi dan pengisytiharan keputusan rasmi dijalankan dengan lancar.

Cadangan penambahbaikan:

- **Lokasi PPRU yang lebih sesuai dengan tempat letak kereta yang mencukupi perlu dipilih pada masa akan datang.**

7. Kesimpulan

Secara keseluruhan, PRK Port Dickson dijalankan dengan lancar.

Beberapa penambahbaikan telah dilakukan oleh pihak SPR dalam PRK Port Dickson:

1. SPR telah mengambil langkah proaktif untuk menghentikan perbuatan yang merupakan kesalahan pilihan raya. Sebagai contoh, apabila calon bebas Kan Chee Yuen ingin mengagihkan pen kepada orang ramai, pihak SPR telah menghantar emel kepada beliau sebagai peringatan bahawa pemberian hadiah adalah tidak dibenarkan dan beliau membatalkan hasrat tersebut.
2. Dalam satu kenyataan bertarikh 7 Oktober 2018, SPR menggesa supaya semua pihak diberi ruang adil dan saksama kepada semua pihak dengan
 - mengingatkan anggota politik yang memegang jawatan dalam kerajaan supaya tidak menjalankan aktiviti berkempen dalam waktu bekerja dan tidak menggunakan aset-aset kerajaan bagi tujuan berkempen.
 - mengingatkan bahawa pengumuman projek kemajuan atau janji sekiranya menang untuk memancing undi mungkin menjadi satu kesalahan pilihan raya.
 - menyarankan agar pihak kem tentera atau Kementerian Pertahanan memberikan peluang berkempen yang sama rata kepada semua calon.
3. Pengerusi SPR, Azhar Harun mengarahkan pegawai penguat kuasa untuk mengambil tindakan terhadap penyokong parti yang berkempen di depan pusat mengundi SK Teluk Kemang pada hari mengundi.

BERSIH 2.0 mengalu-alukan pelbagai penambahbaikan tersebut.

Namun demikian, masih terdapat pelbagai salah laku yang dilakukan oleh calon dan pemimpin politik secara berleluasa. Tindakan yang diambil oleh pihak SPR untuk memelihara integriti pilihan raya tidak mencukupi. Kaedah membuat aduan kepada pasukan penguatkuasa kempen pilihan raya juga tidak dipromosi dengan meluas kepada orang awam.

Selain daripada langkah-langkah penambahbaikan yang telah dicadangkan dalam setiap bahagian laporan ini, BERSIH 2.0 juga ingin membuat cadang-cadangan tambahan seperti berikut:

1. Menggubal satu garis panduan liputan pilihan raya untuk media supaya akses dan liputan yang sama diberikan kepada semua calon dan parti politik yang bertanding
2. Menggubal satu garis panduan tentang kesalahan-kesalahan pilihan raya termasuk penggunaan aset dan program kerajaan dalam kempen pilihan raya serta menjalankan taklimat atau latihan untuk parti-parti politik dan calon-calon sebelum pilihan raya dijalankan.
3. Memberi daftar pemilih dalam *soft copy* dan dalam format *database* yang mengandungi alamat penuh pengundi secara percuma supaya boleh diperiksa dengan mudah dan bukan PDF untuk organisasi yang menjadi pemerhati pilihan raya.
4. Menyediakan salinan peta sempadan kawasan pilihan raya yang jelas dalam *soft copy* secara percuma kepada organisasi yang menjadi pemerhati pilihan raya.
5. *Task force* bersama di antara SPR dan SPRM perlu ditubuhkan untuk memantau dan menerima aduan rasuah pilihanraya. Nombor aduan perlu diumumkan untuk orang ramai membuat aduan supaya tindakan segera boleh diambil.
6. SPR perlu mengambil tindakan undang-undang terhadap mereka yang telah melanggar undang-undang pilihan raya untuk memastikan undang-undang dan peraturan-peraturan pilihan raya diikuti oleh semua pihak dan tidak diulang lagi pada masa depan. SPR perlu membuat laporan polis jikalau perlu untuk sesuatu kesalahan pilihanraya disiasat dan diambil tindakan undang-undang.